LUKISAN TERUKUR

MASJID ASASI PADANG PANJANG



JL. SYECH IBRAHIM MUSA NO.40 27112 PADANG PANJANG SUMATERA

LUKISAN TERUKUR
MASJID ASASI PADANG PANJANG

POLIKTEKNIK PORT DICKSON

www.polipd.edu.my

Cetakan Pertama / First Printing 2024
@Politeknik Port Dickson, Negeri Sembllan, Malaysia

Author :

Muhammad Shaifa Daniel Bin Mohd Nor Shairie
Ahmad Haziem Darwish Bin Muhamad Aidil
Syahirah Natasha Binti Johan
Hafni Ardini Binti Rahisham
Fatimatul Balqis Binti Azahar
Nur Majdah Binti Azizi

Siti Fatimah Tuzzahrah Binti Hj Abd Latif
Fahanim Binti Abd Rashid
Nur Athirah Binti Ibrahim

Graphic Designer :

Muhammad Shaifa Daniel I Siti Fatimah Tuzzahrah

Hak Cipta Terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar atau rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia terlebih dahulu.

All rights reserved

No parts of this publication may be reproduced or transmitted in any forms or any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Politeknik Port Dickson, Negeri Sembllan, Malaysia.

e ISBN 978-629-7643-19-9


Publisher in Malaysia :
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantal, Si Rusa 71050 Port Dickson
Negeri Semblan, Malaysia
Emel: webmaster@polipd.edu.my
Laman Web: http://www.polipd.edu.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7643-19-9


MASJID ASASI
NAGARI GUNUNG





Abstrak

Buku Meja Kopi ini berkisar tentang penyelidikan Lukisan Terukur Masjid Asasi , Padang Panjang, Sumatera Barat, yang mana merupakan penyelidikan terhadap seni bina warisan di Indonesia. Bangunan Masjid Asasi merupakan salah satu daripada masjid tertua di Sumatera Barat yang dianggarkan berusia mencecah hampir 400 tahun . Walaupun telah lama dibina, masjid ini masih berdiri kukuh dan beroperasi kepada masyarakat untuk menjalani aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan sejak zaman berzaman. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mendokumentasikan reka bentuk fizikal bangunan masjid tua di Indonesia serta menghasilkan set lukisan terukur bagi bangunan tersebut. Metodologi kajian yang digunakan adalah dengan menjalankan penyelidikan kualitatif, iaitu kajian lapangan selama seminggu di Kota Padang Panjang Sumatera Barat. Kerja Lapangan adalah meliputi kerja-kerja pengukuran bangunan, sesi temu ramah, penelitian rekabentuk bangunan masjid, merekod audio, video dan gambar foto serta semakan literatur tentang sejarah dan latarbelakang bangunan kajian. Hasil kajian mendapati reka bentuk Masjid Asasi di Kota Padang Panjang terhasil daripada pancaran kebudayaan masyarakat di negeri Minangkabau, Indonesia. Rekabentuk bangunan Masjid Asasi menjadikan alam sekeliling sebagai asas inspirasi dalam rekabentuk bangunan seperti penggunaan elemen ukiran yang bermotifkan alam sekeliling seperti flora, fauna dan geometri sederhana yang diabadikan di sekeliling dinding bangunan masjid oleh masyarakat berbilang suku di Negeri Gunung iaitu daripada suku Gunuang, Jaho, Panin-jauan dan Tambangan. Selain itu, rekabentuk Masjid Asasi juga dibina dengan bahan binaan kayu keras Rimbo Putih yang diperolehi daripada persekitaran Masjid dengan teknik binaan tahan gempa iaitu pemasangan struktur tiang condong dan tidak bersudut tepat, penggunaan rasuk bersilang pada struktur bumbung dan teknik penyambungan tanggam dan pasak. Falsafah rekabentuk bumbung bangunan Masjid Asasi juga berkait dengan kebudayaan masyarakat Minang yang memandang tinggi kepada beberapa golongan seperti golongan cerdik pandai, ninimamak dan alim ulama yang tersirat disebalik rekabentuk bumbung bertingkat yang memberi perlambangan kedudukan mereka di mata masyarakat Minangkabau.

Penghargaan

Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T atas nikmat dan kurniaanNya kepada pengkaji kerana diberi peluang menyiapkan buku meja kopi Lukisan Terukur Masjid Asasi Padang Panjang ini dengan jayanya. Terlebih dahulu pengkaji ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah-pensyarah pengkaji daripada Politeknik Port Dickson iaitu Pn. Siti Fatimah Tuzzahrah Bt Hj Abd Latif, Pn. Fahanim Binti Abdul Rashid dan Pn. Nur Athirah Binti Ibrahim kerana telah banyak bekorban tenaga dan masa membantu memberi tunjuk ajar kepada pengkaji menjalankan penyelidikan ini sehinggalah terhasilnya buku meja kopi ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan tidak terhingga pengkaji terhadap pensyarah Kolej Komuniti Jelebu, Pn. Nik Hasnira Binti Nik Pa dan pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Kuala Terengganu iaitu Pn. Nor Haslinawati Binti Mohd Saad, Pn. Norasyimah Binti Ahmad serta En. Mohammad Arif Bin Hassan kerana telah membantu pengkaji dalam penyelidikan khususnya sewaktu melaksanakan kerja-kerja lapangan di Masjid Asasi. Segala ilmu dan tunjuk ajar yang diberi amat pengkaji hargai .

Ucapan terima kasih juga dikhaskan kepada, Prof. Dahmir Dahlan daripada Universiti Pancasila, Jakarta yang telah mengaturkan pertemuan kumpulan pengkaji dengan pihak Universiti Muhammadiah Sumatera Barat (UMSB) khususnya Bapak Ir Surya Eka Priana dan beberapa pelajar- pelajar UMSB yang telah memberi kerjasama yang sangat baik semasa proses pengumpulan maklumat bagi melengkapkan kajian lukisan terukur ini.

Tidak dilupakan jutaan penghargaan kepada Ketua Kelurahan Sigando, En Adera Datuak Rangkayo Batuah, pihak Masjid Asasi, ketua-ketua adat dan masyarakat Kelurahan Sigando yang telah memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang proses pengumpulan maklumat. Banyak perkara yang telah pengkaji pelajari sepanjang menjalankan penyelidikan ini khususnya tentang kebudayaan masyarakat Minangkabau serta seni bina warisan yang unik di Sumatera Barat, Indonesia, khususnya di kota Padang Panjang. Segala ilmu yang dikongsi amat pengkaji hargai.

Akhir kalam, pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat secara lansung dan tidak langsung yang tidak sempat pengkaji nyatakan namanya di sini dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga Allah SWT membalas kebaikan kalian semua dengan seribu rahmat daripada-Nya..



| SHAIFA DANIEL | DR RUDI I HAFIZ FIRDAUS | MUHAMMAD HAFIZUDDIN I NUR SHALYSA | EN ARIF | AHMAD SYAWAL | PN NIK HASNIRA I HAZIEM DARWISH | SITI FATIMAH I PN ATHIRAH I PN SHIMA I PN HASLINAWATI I PN FAHANIM I FATIMATUL BALQIS | SYAHIRAH NATASHA | HAFNI ARDINI | NUR MAJDAH |

BARISAN PENYELIDIK POLITEKNIK PORT DICKSON



TS. FAHANIM BT ABD RASHID
(PENSYARAH POLITEKNIK PORT DICKSON, MALAYSIA)



PN NUR ATHIRAH BT IBRAHIM
(PENSYARAH POLITEKNIK PORT DICKSON, MALAYSIA)



PN.SITI FATIMAH TUZZAHRAH BT HJ ABD LATIF
(PENSYARAH POLITEKNIK PORT DICKSON, MALAYSIA)



TS. NIK HASNIRA BT NIK PA
(PENSYARAH KKJELEBU, MALAYSIA)



MUHAMMAD SHAIFA DANIEL BIN MOHD NOR SHAIRIE

06DSB21F1037




AHMAD HAZIEM DARWISH BIN MUHAMAD AIDIL

06DSB21F1055



FATIMATUL BALQIS BINTI AZAHAR

06DSB21F1031



SYAHIRAH NATASHA BINTI JOHAN

06DSB20F1061



HAFNI ARDINI BINTI RAHISHAM

06DSB21F1010



NUR MAJDAH BINTI AZIZI

06DSB21F1013

RAKAN KOLABORASI PENYELIDIKAN



PN. NORASYIMAH BINTI AHMAD
(PENSYARAH KKKT, MALAYSIA)



PN. NOR HASLINAWATI BINTI MOHD SAAD
(PENSYARAH KKKT, MALAYSIA)



EN. MOHAMMAD ARIF BIN HASSAN
(PENSYARAH KKKT, MALAYSIA)



PROF. DAHMIR DAHLAN
(DOSEN UNIVERSITAS PANCASILA, INDONESIA)



IR SURYA EKA PRIANA
(DOSEN UMSB, INDONESIA)



ZUHELDI. ST.MT
(DOSEN UMSB, INDONESIA)



MOHAMAD HAFIZ FIRDAUS BIN ZAKARIYA
(KKKT, MALAYSIA)



MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN ZAMRI
(KKKT, MALAYSIA)



AHMAD SYAWAL BIN KHAIRUL ANUAR
(KKKT, MALAYSIA)



MUHAMMAD RIDHO
(UMSB, INDONESIA)



AZIZUL RAHMAN
(UMSB, INDONESIA)



NUR SHALYSA BINTI ZARIZAM
(KKKT, MALAYSIA)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA PORT DICKSON

cart centre of architecture technology

KAWANS KAJIAN ALAM WARISAN NEGERI SEMBILAN

PERAKUAN DAN TANDATANGAN

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa segala dokumentasi mengenai bangunan kajian Lukisan Terukur di dalam buku ini telah disediakan oleh ahli-ahli kumpulan yang tertulis. Penulisan ini disediakan bagi Kursus DCA50233 *"Measured Drawing"*, Lukisan Terukur. Ini adalah bagi memenuhi syarat Semester 5 di Politeknik Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Disediakan Oleh:

.....

(MUHAMMAD SHAIFA DANIEL BIN MOHD NOR SHAIRIE)

.....

(AHMAD HAZIEM DARWISH BIN MUHAMAD AIDIL)

.....

(NUR MAJDAH BINTI AZIZI)

.....

(SYAHIRAH NATASHA BINTI JOHAN)

.....

(FATIMATUL BALQIS BINTI AZAHAR)

.....

(HAFNI ARDINI BINTI RAHISHAM)

Disemak Oleh:

.....

PN SITI FATIMAH TUZZAHRAH BT HJ ABD LATIF
(PENYELIA 1)

.....

PN NUR ATHIRAH IBRAHIM
(PENYELIA 2)

.....

TS FAHANIM BT ABD RASHID
(PENYELIA 3)

Isi Kandungan

ABSTRAK I PENGHARGAAN I BARISAN PENYELIDIK I PERAKUAN PENYELIDIKAN 1 -1 0

1.0
PENGENALAN 12 - 29
OBJEKTIF KAJIAN |PROSEDUR KAJIAN | METODOLOGI KAJIAN | PEMILIHAN BANGUNAN KAJIAN | PEMBAHAGIAN TUGAS | KERJA LAPANGAN | TEMU BUAL | GAMBAR & MEREKOD VIDEO | KERJA PENGUKURAN |TEKNIK PENEKAPAN | PENGHASILAN LUKISAN | KAJIAN LITERATUR | ANALISA DAPATAN | IMPAK KAJIAN | KESIMPULAN

2.0
SEJARAH LATAR BELAKANG 30 - 45
SUMATERA BARAT | PADANG PANJANG | ADAT & BUDAYA | SENI BINA TRADISI | SEJARAH BANGUNAN KAJIAN | KESIMPULAN

3.0
ANALISA SENI BINA 46 - 74
GAYA PENGARUH SENI BINA | RUANG & FUNGSI | ELEMEN STRUKTUR | ORNAMEN | MOTIF UKIRAN | ASPEK KELESTARIAN

4.0
PENUTUP 75 - 81
PERBINCANGAN | CADANGAN KESIMPULAN | RUJUKAN

LAMPIRAN LUKISAN TERUKUR DAN VIDEO ANIMASI 3D BANGUNAN MASJID ASASI 82 - 109



PENGENALAN

BAB

01

Dalam bab ni, akan menerangkan segala matlamat , objektif , metodologi, impak kajian dan lain-lain bagi penyelidikan lukisan terukur di Masjid Asasi , Pandang Panjang , Indonesia



1.1 Pengenalan

Masjid Asasi Nagari Gunung adalah sebuah bangunan seni bina tradisi Indonesia yang terletak di Kota Padang Panjang, Sumatera Barat. Masjid tradisional ini adalah salah satu di antara bangunan masjid tertua di Negara Indonesis dan berpotensi tinggi untuk menjadi sumber pendidikan kepada para pelajar mahupun pengajar secara am dan khasnya. Penyelidikan lukisan Terukur terhadap bangunan Masjid Asasi ini menekankan kerja-kerja amali dan penyelidikan seni bina warisan yang meliputi kerja pengukuran, merekod dan mendokumentasi bangunan warisan dalam bentuk lukisan terukur, 3D model, Animasi dan dokumentari ringkas.

Bangunan masjid ini memiliki keunikan yang tersendiri karena rekabentuknya menggabungkan tiga budaya iaitu Hindu, Buddha dan Minangkabau. Menurut catatan sejarah, masjid ini didirikan secara gotong-royong oleh empat suku kaum iaitu daripada suku Gunuang, Jaho, Paninjauan dan Tambangan yang dikhabarkan mula dibina seawal tahun 1702 Masihi lagi. Sehingga kini, masjid ini masih kukuh dan utuh berdiri serta menjadi pusat dakwah Islam bagi masyarakat muslim di sekitar Kota Padang Panjang. Masjid ini terbahagi kepada beberapa ruang iaitu ruang solat, ruang mihrab, mimbar, ruang serambi (kini ruang simpanan) dan rumah beduk.

Masjid ini mempunyai 1 tiang utama atau dipanggil tonggak tuo yang berada di tengah bangunan serta dikelilingi 8 tiang penyangga bulat yang didirikan codong 92 darjah daripada tanah yang berfungsi sebagai tiang pengukuh utama bangunan masjid. Bumbung masjid pula di bina bertingkat sebanyak 3 lapisan yang merupakan simbolik kepada 3 golongan yang di hormati di negeri Minangkabau iaitu lapisan paling atas melambangkan nini mamak (kepala suku), lapisan kedua alim ulamak dan yang lapisan bawah melambangkan golongan cerdik pandai. Ketiga-tiga golongan ini adalah dipandang mulia oleh masyarakat Minangkabau.

Fasad bangunan Masjid Asasi ini dikelilingi oleh pelbagai jenis ukiran yang bermotifkan flora, fauna dan geometri sederhana. Ukiran-ukiran pula dipahat disekeliling dinding bangunan termasuk pintu dan tingkap sehinggakan tiada satu bahagian fasad luaranpun yang tidak dipasang ukiran. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, terdapat 15 jenis ukiran telah dikenalpasti pada fasad Masjid Asasi.



Gambar 1.1 | Pandangan penjuru Masjid Asasi
Sumber: Pengkaji

1.2 Objektif Kajian



1. Mengkaji sejarah dan adat resam masyarakat Minang di Sumatera Barat , Indonesia

2. Mendokumentasikan rekabentuk fizikal Masjid Asasi Nagari Gunung, Pandang Panjang, Indonesia serta memahami sejarah bangunan tersebut.

3. Menghasilkan Set Lukisan Terukur bagi bangunan Masjid Asasi.

4. Menghasilkan buku meja kopi , video dokumentari, video animasi dan model struktur bagi bangunan kajian.


Gambar 1.2 | Pandangan sisi Masjid Asasi
Sumber: Pengkaji

1.3 Prosedur Kajian

LANGKAH 1	LANGKAH 2	LANGKAH 3	LANGKAH 4	LANGKAH 5	LANGKAH 6	LANGKAH 7	LANGKAH 8
Pemilihan bangunan	Semakan literatur	Kerja lapangan	Analisa data kajian	Menghasilkan set lukisan terukur	Menghasilkan model berskala 1:50	Membangunkan mini dokumentari dan animasi 3D bangunan	Menghasilkan buku meja kopi

Untuk menjalankan projek ini, pengkaji telah melalui beberapa prosedur kerja seperti :

a. Pemilihan bangunan
b. Semakan literature
c. Kerja lapangan
d. Analisa data kajian
e. Menghasilkan set lukisan terukur
f. Menghasilkan model berskala 1:50
g. Menghasilkan persembahan multimedia (dokumentari dan animasi 3D)
h. Menghasilkan buku meja kopi



Gambar 1.3 | Aktiviti mengukur Masjid Asasi
Sumber: Pengkaji

1.4 Metodologi Kajian

Menurut ‘Hornby’ (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (merumuskan apa yang dikaji). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Maksud lain metodologi ialah kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, rentak, corak dan sistem. Metodologi juga bermaksud ilmu tentang metod atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian tertentu untuk mencapai tujuan tertentu.

Bagi projek penyelidikan lukisan terukur Masjid Asasi, pengkaji telah menggunakan teknik penyelidikan kualitatif seperti kerja lapangan, pemerhatian dan temuramah tidak berstruktur bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

1.4.1 Pemilihan Bangunan Kajian

Faktor Pemilihanan Masjid Asasi ini sebagai bangunan Kajian adalah kerana masjid ini antara bangunan warisan yang terdapat di Indonesia. Masjid Asasi ini merupakan masjid tertua yang berada di daerah Kota Padang Panjang , Sumatera Barat . Reka bentuk dan pengaruh seni binanya unik dan menarik serta mempunyai sejarah yang tersendiri yang menarik perhatian pengkaji untuk melakukan penyelidikan terhadap Masjid Tua ini. Selain itu, masjid ini juga turut disyorkan oleh pensyarah-pensyarah pengkaji dan mendapat sokongan daripada pihak pengurusan Politeknik Port Dickson.

1.4.2 Pembahagian Tugas



Daniel sebagai ketua kumpulan dalam kerja lukisan terukur ini , memberikan tugasan kepada ahli kumpulan memastikan segala lukisan dapat siap pada waktunya , menjadi editor untuk Coffee Table Book . Di samping itu ,menyiapkan lukisan terukur mengikut bahagian dan merekod serta mengambil gambar di tapak kajian



Syahirah ditugaskan untuk menyiapkan lukisan terukur ,menjadi ketua dalam lukisan terukur seperti menyemak , membaiki ketebalan garisan . Dia juga melakukan kerja pengukuran di Tapak Kajian



Haziem ditugaskan untuk menyiapkan lukisan terukur pada bahagian depan dan belakang masjid , serta menekap dan mengukir semula ukiran/ornamen yang terdapat mana dinding bangunan . Haziem juga diugaskan menyiapkan video dokumentari



Balqis ditugaskan untuk menyiapkan lukisan terukur pada bahagian kanan dan kiri masjid , serta menekap dan mengukir semula ukiran/ornamen yang terdapat mana dinding bangunan . Balqis juga diugaskan menyiapkan fizikal model.



Majdah ditugaskan untuk menyiapkan lukisan 3D menggunakan aplikasi seperti Sketch Up . Selain itu , menyediakan poster bagi projek ini . Akhir sekali , merekod serta mengambil gambar di tapak kajian.



Hafni ditugaskan untuk menyiapkan lukisan bahagian keratan , detail lukisan dan lain lain . Selain itu , Hafni juga turut serta dalam menyiapkan fizikal model.

**** Rakan penyelidikan yang lain daripada KKKT, KKJELEBU & UMSB Indonesia terlibat semasa proses kajian lapangan selama seminggu di tapak kajian.

1.4.3 Kerja Lapangan Kem Lukisan Terukur



Kem Lukisan Terukur berlangsung selama 6 hari bermula 21 Jun 2023 sehingga 26 Jun 2023. Sepanjang pengkaji melakukan penyelidikan lukisan terukur, pengkaji menetap di Padang Panjang yang berdekatan dengan tapak kajian. Tujuan pengkaji menetap berdekatan dengan tapak kajian adalah supaya memudahkan kerja lapangan lukisan terukur dilaksanakan. Pada hari pertama ditapak kajian, pengkaji telah memulakan aktiviti mengukur Masjid Asasi serta membuat penelitian struktur bangunan untuk pemahaman awal. Beberapa ahli kumpulan pengkaji yang lain ditugaskan untuk meneliti jenis-jenis ornamen untuk melakukan proses penekapan. Seterusnya, pada hari kedua, pengkaji telah memulakan proses menekap ornamen seperti ukiran dan menyiapkan pelan lantai dan pelan struktur Masjid Asasi. Pengkaji juga ditugaskan untuk menyiapkan beberapa lukisan teknikal lain seperti lukisan pelan bumbung, keratan bangunan, pandangan sisi kiri, kanan, hadapan dan belakang bangunan kajian mengikut skala dengan dipantau oleh penyelia pengkaji. Hasil tunjuk ajar penyelia membolehkan pengkaji melakukan kerja dengan lebih cepat. Aktiviti pada hari ketiga diteruskan dengan sesi temu bual bersama orang kampung Sigando berkaitan dengan bangunan kajian. Pengkaji sempat melakukan program khidmat sosial bersama-sama penduduk tempatan di Lurah Sigando. Kami dilayan dan disantuni dengan baik dan mendapatkan beberapa pengalaman yang sangat berharga khususnya tentang kebudayaan masyarakat Minangkabau di Lurah Sigando. Hari ke empat sehingga hari ke enam pengkaji meneruskan kerja-kerja lapangan dan merekod data-data lain yang diperlukan.

Gambar 1.4 | Masjid Asasi Pandangan Sisi Kiri
Sumber: Pengkaji



Gambar 1.4a | Sesi temu bual bersama Dato Pangeran Basa
(Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.4b | Para pensyarah beramah mesra bersama pegawai Indonesia, En. Adera Datuk Rangkayo Batuah
(Sumber : Pengkaji)

1.4.4 Temu Bual

Dalam proses pengumpulan maklumat, kaedah temu bual telah dijalankan sewaktu membuat kajian tentang Masjid Asasi. Pada hari pertama kajian berlangsung, pengkaji telah bertemu dengan Ketua Lurah Sigando, dimana tempat kajian dilaksanakan iaitu En. Adera, Datuak Rangkayo Batuah bagi mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di kawasan beliau. Sesi temubual pertama berlangsung bersama beliau dan anggota polis yang bertugas menjaga Lurah Sigando.

Sesi temu bual kedua pula adalah melibatkan Dato Pangeran Basa Didi Ariandi dan Encik Asrul Effendi yang telah banyak membantu dalam menerangkan sejarah kaum bangsa di Nagari Ganuang dan sejarah penubuhan Masjid Asasi. Temu bual tersebut juga telah dirakam dan dicatat bagi tujuan rujukan pada masa akan datang.

Selain itu, pengkaji-pengkaji juga telah menemubual penduduk kampung sekitar masjid, imam dan bilal Masjid Asasi serta pensyarah-pensyarah Universitas Muhammadiah seperti Ir. Surya Eka Priana, Zuheldi. ST.MT dan Dr. Rudi Kurniawan Arief bagi mendapatkan maklumat berkenaan bangunan kajian.

1.4.5 Gambar Dan Merekod Video

Setiap gambar, audio dan video yang diambil digunakan untuk penghasilan persembahan multimedia seperti video dokumentari dan buku meja kopi. Gambar di setiap sudut Masjid Asasi sama ada dari pandangan luaran atau dalaman telah diambil bagi memastikan pengkaji dapat membuat analisa tentang bangunan kajian dengan baik. Video bangunan yang terperinci serta video temu bual bersama orang-orang penting juga telah dirakam bagi mengukuhkan dapatan.







Gambar 1.4c & 1.4d | Gambar dan video diambil dan dirakam menggunakan iPhone 13 dan kamera Sony ZV-1 (Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.4e, 1.4f & 1.4g | Hasil-hasil gambar yang telah diambil (Sumber : Pengkaji)

1.4.6 Kerja Pengukuran



Gambar 1.4h | Proses mengukur
(Sumber : Pengkaji)

Untuk mendapatkan ukuran yang tepat, beberapa kaedah kerja pengukuran telah pengkaji jalankan. Antaranya adalah dengan menggunakan peranti pengukur digital laser untuk mengambil ukuran jarak yang jauh dan tinggi seperti kelebaran dan panjang masjid serta tinggi tiang masjid.

Seterusnya, bagi mendapatkan ukuran jarak pendek, pita pengukur 5 meter juga telah digunakan. Untuk memudahkan lagi proses pengkaji dalam memahami setiap ukuran, lakaran ringkas pelan bangunan telah dihasilkan terlebih dahulu sebelum ukuran diambil dan dicatat. Pengkaji menggunakan aplikasi 'Google Earth' untuk mengukur tapak kajian dan mendapatkan pelan kunci serta pelan lokasi masjid.

Dalam usaha mencari sudut bumbung, pengkaji menggunakan formula Matematik bagi mengesahkan data yang diperolehi daripada pengukuran 'digital laser'. Formula matematik adalah satu kaedah yang berguna untuk mengira sudut dalam sebuah segitiga. Kecuraman bumbung Masjid Asasi yang telah dikenalpasti adalah dalam lingkungan 40° ke 63°.





Gambar 1.4i & 1.4j | Peranti pengukur digital laser dan pita pengukur 5 meter yang digunakan untuk kerja pengukuran
(Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.4k | Kerja pengukuran dijalankan (Sumber : Pengkaji)

1.4.7 Teknik Penekapan

Di samping itu, teknik penekapan digunakan untuk merekod segala bentuk ornamen dan ukiran pada bangunan. Proses tekapan menggunakan kertas surih ,arang dan warna krayon. Teknik ini sangat membantu dalam mempercepatkan lagi proses mendapatkan segala bentuk dan jenis ukiran beserta ukuran yang tepat. Terdapat 15 jenis ukiran yang berjaya ditekap melalui cara ini. Hasil tekapan ornamen ini seterusnya dirujuk semasa pengkaji menghasilkan lukisan ukiran 2d dan 3D di dalam aplikasi AutoCAD.

Bagi Ukiran-ukiran yang berada pada tempat yang tinggi dan sukar ditekap seperti di bahagian bumbung, teknik fotografi digunakan. Gambar Ukiran diambil pada posisi yang tertentu kemudian dieksport ke dalam perisian auto cadd, ditekap dan diskalakan semula berdasarkan rujukan saiz ukuran panel ukiran.



Gambar 1.4l | Proses semasa penekapan ornamen (Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.4m | Kerja penekapan (Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.4n | Penggunaan kertas ‘butter’ dan krayon (Sumber : Pengkaji)


1.4.8 Penghasilan Lukisan

Seterusnya, kerja-kerja disambung dengan memulakan lukisan teknikal di 'AutoCAD' untuk merekod ukuran yang diambil secara lebih tepat dan sistematik. Sepanjang melakukan tugasan ini, penyelia berada di samping pengkaji untuk memantau hasil kerja. Selepas pulang ke tanah air, pengkaji menyiapkan lukisan terukur yang telah ditugaskan kepada setiap ahli kumpulan. Pengkaji memastikan semua ukuran yang diambil, direkod dalam bentuk lukisan teknikal berserta dimensi ukuran dan spesifikasi bahan binaan yang tepat seperti yang dinyatakan. Setiap lukisan yang dihasilkan disemak dan diperbaiki bagi menghasilkan lukisan teknikal yang mencapai kehendak yang dikehendaki.

Setelah Lukisan teknikal siap, Lukisan 3D pula dibangunkan dengan menggunakan *software 3D Sketchup* dan model 3D tersebut di *render* menggunakan *Software Enscape* untuk mendapatkan kesan dan efek gambar yang sebenar dan menarik untuk dipersembahkan dalam bentuk animasi 3D.



Gambar 1.4o | Proses membuat pelan masjid dalam Autocad
(Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.4p | Slaid pengumpulan maklumat yang telah disediakan sebelum pelajar pergi ke Padang, Indonesia (Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.5 | Contoh maklumat yang dikumpulkan di dalam slaid (Sumber : Pengkaji)

1.4.9 Kajian Literatur

Kajian literatur didefinisikan sebagai tinjauan sumber-sumber ilmiah seperti buku, artikel jurnal, dan tesis mengenai topik tertentu. Ia memberi gambaran mengenai penemuan utama, konsep dan perkembangan berkaitan dengan suatu persoalan. Tujuan kajian literatur dilakukan adalah untuk menjelaskan kajian yang akan dijalankan berdasarkan maklumat dan pengetahuan yang tepat tentang isu yang hendak dikaji.

Sebelum menjalankan kajian lapangan, pengkaji telah mendapatkan maklumat-maklumat umum tentang Masjid Asasi. Maklumat - maklumat tersebut didapati daripada laman sesawang internet, Wikipedia dan juga video di platform 'YouTube'. Tujuan pengumpulan maklumat di peringkat awal ini adalah bagi memastikan pengkaji yang terlibat dengan projek ini dapat memahami serba sedikit tentang senibina Masjid Asasi sebelum lawatan.

1.5 Analisa Dapatan

Maklumat-maklumat yang diperolehi menerusi kajian lapangan disusun dengan baik dan dihuraikan secara diskriptif berdasarkan pemerhatian mendalam yang dibuat memalui analisa foto, video dan data naratif yang diperolehi melalui sesi temubual.


Canon

1.6 Impak Kajian

Impak daripada kajian yang dilaksanakan, pengkaji dapat menambah ilmu pengetahuan baru seperti mempelajari tentang adat warisan dan budaya unik masyarakat Minangkabau dan juga mempelajari seni bina warisan Indonesia dengan lebih jelas. Dapat dilihat, seni bina warisan di Indonesia mempunyai beberapa persamaan gaya dengan seni bina tradisi di negara kita kerana dikatakan Melayu itu serumpun dan Malaysia dan Indonesia adalah negara bersaudara.

Selain itu, penyelidikan ini telah melatih pengkaji untuk belajar berkomunikasi dengan baik antara ahli kumpulan dan juga dengan komuniti setempat dengan menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa pengantar. Penyelidikan ini juga telah menghubungkan pengkaji dengan mahasiswa serta dosen-dosen daripada Universitas Muhammadiyah Sumatera Barat.

Projek penyelidikan ini juga secara tidak langsung telah mempromosikan Politeknik Port Dickson khususnya dan JPPKK amnya ke negara luar dan memasarkan kepakaran-kepakaran pelajar dan pensyarah yang terlibat.



Rombongan mahasiswa Port Dickson Malaysia diajak tradisi Makan Bajamba oleh Wako Fadly Amran, Jumat (23/6/2023) siang, di Medan Nan Bapaneh Kelurahan Sigando.

Pd.Panjang (Minangsatu) - Puluhan mahasiswa dari Politeknik Port Dickson Malaysia dan Kolej Komuniti Kuala Trengganu, Jumat (23/6/2023) siang, berkunjung ke Mesjid Asasi Sigando, Kelurahan Sigando, Kecamatan Padang Panjang Timur Kota Padang Panjang.

Kunjungan pelajar dari negeri jiran Malaysia ke Mesjid bersejarah telah berusia ratusan tahun ini, dalam rangka kerja praktek serta penelitian ke Masjid Asasi Sigando. Kedatangan

Gambar 1.6 | Petikan berita Indonesia tentang projek penyelidikan Masjid Asasi.
(Sumber : https://mimbarsumbar.id/wako-fadly-amran-hadiri-makan-bajamba-menyambut-rombongan-mahasiswa-malaysia/



Gambar 1.6a | Beramah mesra bersama Adera Datuk Rangkayo Batuah
(Sumber : Pengkaji)



Gambar 1.6b | Makan Bajamba bersama Waikota Fadly Amran
(Sumber : Pengkaji)



1.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, penyelidikan Lukisan Terukur Masjid Asasi ini dapat melatih dan mengasah kemahiran pengkaji dalam melaksanakan penyelidikan yang memerlukan penelitian dan kerjasama yang tinggi serta kemahiran berkomunikasi yang baik antara ahli kumpulan dan komuniti luar.

SEJARAH & LATAR BELAKANG

BAB

02

Dalam bab ni, akan menerangkan tentang sejarah, latar belakang , seni bina tradisi , adat dan budaya di tempat kajian



2.1 Sumatera Barat

Sumatera Barat adalah satu wilayah di Indonesia yang terletak di pulau Sumatera dengan Padang sebagai ibu kota. Sumatera Barat adalah rumah bagi etnik Minangkabau, walaupun wilayah adat Minangkabau sendiri lebih luas dari wilayah Sumatera Barat. Wilayah sumatera barat mempunyai penduduk seramai 4,846,909 orang dengan majoritinya beragama Islam. Wilayah ini terdiri dari 12 daerah dan 7 bandar dengan pembahagian kawasan pentadbiran dipanggil nagari.

Sejarah Minangkabau bermula pada zaman pemerintahan Adityawarman, yang merupakan tokoh penting Minangkabau. Seorang Raja yang tidak ingin bergelar raja. Pernah memerintah di Pagaruyuang, kawasan tengah kerajaan Minangkabau. Selain itu, beliau juga yang pertama memperkenalkan sistem kerajaan di Sumatera Barat.

Sejak pemerintahan Raja Adityawarman pada pertengahan abad ke-17, wilayah (provinsi) Minangkabau lebih terbuka kepada dunia luar khususnya Acheh. Oleh kerana hubungan dengan Acheh semakin erat melalui kegiatan ekonomi, Sumatera Barat akhirnya mulai berkembang dan menjadi landasan sosio-budaya masyarakat.

sumber : sumbarprov.go.id



Gambar 2.1a | Daerah Sumatera Barat
(sumber : commons.wikimedia.org)



Rentetan itu, Islam sebagai nilai baru semakin berkembang dalam kalangan masyarakat Minangkabau dan beransur-ansur menguasai masyarakat Minangkabau yang dahulunya dikuasai oleh agama Buddha. Selain itu, beberapa kawasan di Sumatera Barat iaitu pesisir pantai masih berada di bawah kekuasaan kerajaan Pagaruyung, tetapi kemudiannya merupakan sebahagian daripada kesultanan Aceh.

Melihat secara ringkas sejarah Minangkabau, ia merupakan salah satu kampung di kawasan Daerah Sungayang, Tanah Datar, Sumatera Barat. Kampung itu asalnya adalah sebuah padang. Namun, disebabkan isu yang semakin meningkat bertebaran dalam kalangan masyarakat bahawa kerajaan Pagaruyuang akan diserang oleh kerajaan Majapahit dari Jawa, pergaduhan kerbau berlaku atas cadangan kedua-dua pihak. Kerbau melambangkan peperangan antara dua kerajaan. Kerana kerbau Minang berjaya memenangi pertarungan itu, muncullah perkataan ‘Manang Kabau’ yang kemudiannya menjadi nama Nagari atau kampung.

sumber : sumbarprov.go.id

Gambar 2.1b | Sebahagaian daripada dinding Masjid Asasi (sumber : pengkaji)



2.2 Padang Panjang

Kota Padang Panjang merupakan kota yang terletak di wilayah Sumatera Barat, Indonesia dan merupakan daerah terkecil di wilayah tersebut. Daerah ini mempunyai nama samaran yang dikenali sebagai Egypt van Andalas. Hal ini kerana Kota padang Panjang terkenal dengan kota pendidikan yang telah melahirkan ulama-ulama hebat. Selain itu, Kota Padang Panjang Juga mendapat gelaran Kota Serambi Mekah kerana adat, budaya dan agama Islam yang dianuti masyarakatnya sangat kuat dan utuh.

Pada satu ketika dahulu, Kota Padang Panjang pernah menjadi pusat pemerintahan sementara setelah Kota Padang dikuasai oleh Belanda pada masa pencerobohan tentera Belanda sekitar tahun 1947. Kawasan daerah ini sebelum ini merupakan sebahagian daripada kawasan Tuan Gadang di Batipuh. Semasa Perang Padri, kawasan ini telah diminta oleh Belanda sebagai pos pertahanan dan juga batu loncatan untuk menundukkan Padri yang masih menguasai kawasan Luhak Agam. Tambahan pula, pihak Belanda membuka laluan jalan baru dari bandar ini ke Kota Padang kerana lebih mudah daripada melalui kawasan Kubung XIII di daerah Solok.

Kota padang Panjang juga dipanggil ‘kota sejuk’. Bandar ini terletak di kawasan ketinggian antara 650 dan 850 meter dari aras laut. Padang Panjang terletak di kawasan pergunungan dengan udara sejuk dan suhu udara maksimum 26.1 °C dan minimum 17 °C. Di sebelah utara dan sedikit ke barat kota Padang Panjang, kelihatan berbaris tiga buah gunung iaitu Gunung Merapi, Gunung Singgalang dan Gunung Tandikek.

sumber : id.wikipedia.org

Secara topografi, bandar ini berada di dataran tinggi yang beralun dan kawasan yang landai, curam dan berbukit, serta sering berlaku tanah runtuh akibat struktur tanah tidak stabil dan menerima peratusan hujan agak tinggi. Namun di kawasan landai di bandar ini, tanah jenis andosol adalah subur dan sangat baik untuk pertanian.

Kota Padang Panjang ialah sebuah bandar yang berada di laluan persimpangan dan bersambung dengan laluan Sumatera. Ini menjadikan kota ini dalam kedudukan yang cukup strategik kerana terletak di laluan wilayah antara Kota Panjang dan Kota Bukit Tinggi, serta Wilayah Tanah Datar, Wilayah Solok dan Kota Solok. Kota ini juga merupakan tempat pertemuan jalur kereta api dari kota Bukit Tinggi, Kubapaten Solok yang akan menuju ke Kota Padang atau sebaliknya. Jalur kereta api ini bercabang di Stesen Padang Panjang. Pada pertengahan tahun 2021, penduduk Padang Panjang dianggarkan seramai 59,998 orang.

sumber : id.wikipedia.org



Gambar 2.2a | Gunung Marapi (sumber : id.wikipedia.org)



Gambar 2.2b | Pemandangan dari Gunung Singgalang (sumber : pengkaji)



Gambar 2.2c | Gunung Tandikek (sumber : hendriagustin.com)

2.3 Adat Dan Budaya Masyarakat Minang

Adat minang atau Minangkabau ini adalah peraturan dan undang-undang atau hukum adat yang berlaku dalam kehidupan sosial masyarakat Minangkabau, terutama yang bertempat tinggal di Ranah Minang atau Sumatera Barat. Adat Minangkabau juga terpakai kepada masyarakat Minang yang berada di perantauan, luar daripada wilayah Minangkabau. Aturan adat Minangkabau dibangun berlandaskan pada tiga ketetapan utama adat Minangkabau iaitu;

- Pertama: Adat Milik Bersama yang bererti tidak ada kepemilikan individu terhadap adat Minangkabau. Pengaturan dan pemanfaatannya ditetapkan oleh Niniekmamak dengan penuh kebijaksanaan.
- Kedua: Adat diturunkan kepada golongan perempuan daripada keturunan ibu. Kaum perempuan diamanahkan sebagai pemegang ulayat adat dan akan diturunkan kepada anak perempuannya kelak. Perempuan pemegang ulayat adat tersebut dikenal dengan istilah 'Bundokanduang'.
- Ketiga: Islam adalah agama Masyarakat Adat Minangkabau. Alim Ulama menjaga dan membimbing masyarakat tentang Agama Islam

Tiga ketetapan adat ini dikenali sebagai "Tali Tigo Sapilin" iaitu adat Minangkabau yang mengikat masyarakat adat sebagai satu kesatuan masyarakat yang dikenali dengan 'Adat Nan Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah'.

Adat Nan Basandi Syarak,
Syarak Basandi Kitabullah

(Sumber: https://id.wikipedia.org/wiki/Adat_Minangkabau)

Selain itu, terdapat banyak fakta yang menarik juga tentang adat Minang antaranya,

- Wanita Minang Beli Lelaki untuk Kahwin

Ada salah satu adat minang yang cukup unik dan masih banyak dilakukan, khususnya di Padang Pariaman. Adat tersebut adalah kewajiban pihak wanita untuk membeli pihak lelaki untuk boleh menikah. Harganya pun akan disetujui kemudian oleh keluarga calon suaminya. Selain itu, keluarga mempelai wanita juga perlu berbesar hati untuk membiayai seluruh keperluan dalam proses pernikahan.

- Warisan atau Harta Pusaka yang diberikan pada Anak Perempuan

Harta warisan daripada keluarga Minang ternyata hanya diwarisi kepada anak perempuan. Anak lelaki tidak memiliki hak untuk mendapatkan warisan atau harta pusaka dari ibu bapanya. Jika sebuah keluarga Minang tidak mempunyai anak perempuan, maka yang berhak menerima warisan adalah keturunan perempuan dari adik atau kakak perempuannya. Aturan ini bukan tanpa tujuan. Masyarakat orang Minang berharap aturan ini akan membuat semua lelaki Minang untuk boleh bertanggungjawab dari segi kewangan dan tidak pernah bergantung pada orang tuanya setelah dewasa.

(sumber:idntimes.com)



Gambar 2.3a | Perkahwinan Minang





Gambar 2.3b | Bondakanduang di Tanah datar.

Sumber: https://tanahdatar.go.id/foto/6652/bupati-eka-putra-peran-bundo-kanduang-sangat-penting-bagi-generasi-penerus.html

Sumatera Barat dengan suku kaum Minang tidak asing lagi di telinga kita. Banyak budaya dan adat resam Minang terkenal di seluruh Nusantara, malah ada yang terkenal hingga ke luar negara. Antaranya ialah, Pacu Jawi atau Balapan Sapi yang mana ia merupakan salah satu sukan tradisional yang biasa diadakan di Tanah Datar. Selain itu, Batagak Panghulu iaitu upacara adat yang dijalankan untuk melantik ketua sesuatu kaum atau rakyat. Seterusnya, Upacara Tabuik atau Tabot yang bererti "peti kayu" adalah istilah yang merujuk kepada legenda tentang wujudnya makhluk berupa kuda bersayap dan kepala manusia bernama buraq.

Akhir sekali 'makan Bajamba'. Tradisi makan 'Bajamba' adalah tradisi turun temurun yang berupa kegiatan makan bersama-sama di tempat khusus yang sudah ditentukan. Acara kebersamaan ini sering dilaksanakan pada acara penting. Bagi tradisi makan 'bajamba', pengkaji dapat menyertai tradisi ini pada hari ketiga kami berada di Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia.



Gambar 2.3c | Pengalaman Tradisi makan Bajamba bersama (sumber : pengkaji)



Gambar 2.3d | Pacu Jawi atau Balapan Sapi (sumber : facebook.com)



Gambar 2.3e | Upacara Tabuik atau Tabok (sumber : commons.wikimedia.org)





Gambar 2.3f | Batagak Penghulu (sumber : hypeabis.id)

2.4 Seni Bina Tradisi

Rumah gadang iaitu 'rumah besar' adalah rumah adat bagi masyarakat Minangkabau. Rumah Gadang merupakan seni bina tradisi masyarakat Minangkabau. Gaya seni bina, pembinaan, hiasan dalaman dan luaran serta fungsi rumah mencerminkan kebudayaan dan nilai masyarakat Minangkabau. Rumah gadang berfungsi sebagai tempat tinggal dan dewan untuk mesyuarat keluarga dan juga untuk aktiviti-aktiviti keluarga dan sambutan adat istiadat. Rumah Gadang diwarisi daripada ibu kepada anak perempuan. Masyarakat Minangkabau mengamalkan konsep matrilineal dalam kehidupan iaitu nasab keturunan adalah daripada garis ibu dan kaum wanita iaitu ibu dan nenek yang akan memegang peranan penting dalam pewarisan harta, status sosial, dan kekuasaan dalam sesebuah keluarga.

Rumah Gadang dibina dengan kayu yang keras. Bumbungnya bergonjong seperti tanduk kerbau dan berlapis 3. Rekabentuk Bumbungnya diperbuat daripada pembinaan kekuda dan rasuk silang. Secara tipikal bumbungnya ditutupi dengan atap jerami dari gentian kelapa ijuk. Bahan ijuk adalah tahan lama dan mampu menjangkau selama seratus tahun. Bagi rumah gadang kontemporari, binaannya lebih banyak menggunakan atap zink sebagai gantian atap ijuk.

Rumah gadang dibina di atas tiang. Tiang-tiang utama yang membentuk rumah gadang diaturkan pada lima lajur. Lajur-lajur ini membahagikan ruang dalam rumah Gadang kepada empat ruang yang panjang digelar lanjar. Lanjar di belakang rumah dijadikan ruang bilik tidur. Menurut adat, sebuah rumah gadang harus mempunyai sekurang-kurangnya lima ruang bilik tidur dan bilangan yang ideal adalah sembilan. Lanjar yang lain digunakan sebagai kawasan umum, yang digelar labuah gajah (jalan gajah) untuk aktiviti harian, ruang tamu dan aktiviti majlis adat istiadat.

Masyarakat Minangkabau kebiasaannya akan menghias dinding , tiang, dan siling rumah gadang dengan ukiran kayu yang mencermin dan melambangkan adat mereka. Motif ukiran terdiri dari pelbagai rekabentuk bunga dan bentuk geometri yang sederhana. Masyarakat Minangkabau menginspirasikan alam dalam penghasilan motif-motif ukiran.

Rekabentuk rumah Gadang kelazimannya disertai rekabentuk dengan bangsal beras yang dipanggil Rangkiang. Rangkiang sibayau-bayau menempatkan beras untuk keperluan seharian untuk keluarga.

sumber : ms.wikipedia.org



rric to Masjid Asasi Jl

2.5 Sejarah & Latar Belakang Masjid Asasi


Masjid asasi atau dikenali sebagai surau gadang pada asalnya terletak di Kelurahan Sigando, Kecamatan Padang Panjang Timur, Kota padang Panjang 27112 Indonesia . Masjid ini sudah mula berdiri sejak abad ke-18 iaitu pada tahun 1702 M. Usianya kini menjangkau 321 tahun. Masjid Asasi merupakan masjid tertua di Kota Padang Panjang dan berdiri di atas tanah berukuran 588 sqm dengan ketinggian menjangkau 15 m. Tanah masjid ini adalah tanah wakaf Imam Basa dan Khatib Kayo. Keduanya menurut adat, diangkat menjadi imam masjid dan khatib Masjid Nagari Gunung pada ketika itu.

Sejak dibina, keadaan Masjid Asasi tidak pernah mengalami kerosakkan major walaupun Padang Panjang pernah mengalami gempa besar pada tahun 1926 dan 2009 yang memusnahkan banyak kediaman di situ.


sumber : https://langgam.id/mengenal-surau-gadang-sigando-masjid-tertua-di-padang-panjang/



Rajah 2.5a | Pelan Utama tanpa skala
(sumber : pengkaji)



Rajah 2.5b | Pelan Lokasi tanpa skala
(sumber : pengkaji)



Gambar 2.5c | Pelan Tapak Tanpa Skala
(sumber : pengakaji)



Di awal pembinaannya peranan masjid ini adalah sebagai Surau Gadang dan kini diangkat menjadi masjid selaras dengan perkembangannya. Surau Gadang ataupun Masjid Asasi telah menjadi pusat ibadat penduduk Nagari Ampek Koto iaitu Nagari Gunuang, Paninjauan, Tambangan, dan Jaho, sehingga digelar Surau Gadang.

Asal usul Masjid Asasi bermula dengan kisah kononnya di penghujung abad ke-14, sekitar tahun 1380 M, telah datang ke Nagari Gunung empat pasang suami isteri yang berasal dari Pariaman. Waktu itu Nagari Gunung masih merupakan daerah yang tidak bertuan sehingga empat pasang suami isteri tersebut yang merupakan nenek moyang masyarakat Nagari Gunung datang membuka tempat di sana. Sesuai dengan jumlah pasangan suami isteri tersebut, Nagari Gunung dibahagikan menjadi 4 jurai ‘wilayah’.

Hari berganti hari, tahun berganti tahun, maka sekitar tahun 1405 M, ke-empat jurai tersebut sepakat untuk mendirikan sebuah rumah ibadat iaitu Surau Gadang sebagai tempat beribadah, bermusyawarah, dan sebagai tempat belajar ilmu serta mendalami isi Al-Qur’an, dan lain-lain. Beberapa tahun kemudian mereka mula membangunkan surau yang ditempatkan di Kelurahan Sigando dalam Kecamatan Janjang Timur.

Pembinaan masjid mengambil masa selama lebih kurang sepuluh tahun secara bergotong royong oleh seluruh masyarakat Nagari 4 Jurai dan diberi nama Surau Gadang Sigando. Pada 1702, Surau ini telah dibangunkan menjadi Masjid Asasi.

sumber : https://langgam.id/mengenal-surau-gadang-sigando-masjid-tertua-di-padang-panjang/



Gambar 2.5d | Gambar Buya Hamka
(sumber : malaysiakini.com)



Gambar 2.5e | Gambar Hamka sekeluarga
(sumber : en.wikipedia.org)



Gambar 2.5f | Gambar model struktur Masjid Asasi.
(sumber ; pengkaji)

Salah seorang ulama yang pernah mengajar di Surau Gadang adalah Mohammad Zein. Beliau mengajar penduduk membaca Al-Quran, ilmu umum seperti ilmu logika, dan ilmu mempertahankan diri iaitu silat. Beliau telah berjaya melahirkan beberapa murid alim ulama yang terkenal. Hingga abad ke-20, Masjid Asasi masih menjadi pusat aktiviti keagamaan penduduk Nagari Ampek Koto. Namun seiring pertambahan penduduk, sejumlah besar surau-surau telah dinaiktaraf fungsinya menjadi masjid.

Masjid Asasi pernah dijadikan sebagai tapak pembangunan Islam khususnya membangunkan Madrasah Thawalib Gunuang. Malah tokoh-tokoh seperti Buya Hamka iaitu Haji Abdul Malik Karim Amrullah pernah mengadakan tazkirah di sini. Madrasah ini masih giat aktif hingga ke hari ini namun madrasah ini sudah mempunyai bangunan mereka tersendiri.

Masjid Asasi adalah sebuah masjid yang sangat berjasa kepada para alim ulama pada beberapa ketika dahulu. Di masjid ini lah tempat mereka menuntut ilmu pengetahuan tentang pelbagai ilmu dunia mahupun ilmu akhirat. Masjid Asasi bukan sahaja kuat dan kukuh dari segi struktur pembinaannya malah ianya mempunyai identiti yang tersendiri yang membuatkannya berbeza daripada bangunan masjid yang lain. Pembinaannya atas usaha gotong-royong atau kerja sama masyarakat setempat yang melambangkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Minangkabau.

sumber : ms.wikipedia.org

2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya pengkaji dapat mengetahui serba sedikit tentang catatan sejarah di Negara Indonesia khususnya Kota Padang Panjang di sebelah Sumatera Barat yang dikenali juga sebagai Egypt Van Andalas. Daerah Sumatera Barat dan Islam tidak dapat dipisahkan, karena masyarakatnya memegang prinsip “Adat bersandi syarak, syarak bersandi kitabullah.” Oleh karena itu, sisi kehidupan masyarakat Sumatera Barat dan kebudayaannya termasuklah seni binaannya tidak terlepas dari nilai Islam . Kehidupan dan kebudayaan masyarakat telah melekat dengan prinsip Islam yang terkandung dalam Al-Quran. Dari sudut seni bina pula, seni bina Minangkabau yang sangat terkenal yang mencermin budaya masyarakat Indonesia dapat dilihat sangat kuat seperti pembinaan rumah gadang mahupun surau gadang yang sangat dipengaruhi oleh adat dan budaya masyarakat Minang. Keunikan seni bina ini perlu dikekalkan dan dipelihara agar generasi akan datang dapat menikmati dan menghargai kehebatan ciptaan masyarakat zaman dahulu yang sangat kreatif dan intelektual.



Gambar 2.5 | Gambar Masjid Asasi
(sumber : pengakaji)

ANALISA SENI BINA

BAB

03

Dalam bab ni, akan menerangkan tentang analisa seni bina Masjid Asasi berdasarkan sumber maklumat dan pemerhatian yang pengkaji peroleh.



3.1 Gaya Pengaruh Seni Bina

Seni bina Indonesia mencerminkan kebudayaan, sejarah dan geografi yang telah membentuk Indonesia secara keseluruhannya. Kedatangan penjajah, mubaligh dan pedagang telah mempengaruhi kebudayaan dan membawa kesan mendalam terhadap perkembangan seni bina. Gaya seni bina luar telah berasimilasi dengan seni bina tempatan.

Secara tradisional, pengaruh asing yang terawal dibawa masuk ke Negeri Minangkabau adalah pengaruh Hindu-Buddha yang diamalkan oleh masyarakat awal di Minangkabau sekitar abad ke 11 semasa dibawah jajahan kerajaan Srivijaya. Pengaruh daripada China dan Arab pula telah mula masuk ke Minangkabau se awal abad ke-12 sehingga abad ke -17 melalui Acheh. Kemudian diikuti dengan pengaruh seni bina barat semasa penjajahan masyarakat Eropah (Belanda) terhadap Indonesia sekitar abad ke 18.

Gaya seni bina Hindu-Budha dapat dilihat pada seni bina masjid khususnya pada rekabentuk bumbung yang menirus ke langit (bumbung meru) dan bertingkat seolah-olah seperti rekabentuk candi dan pagoda yang terdapat di Tanah Besar China. Kemasukkan pengaruh China dan Arab ke Minangkabau pula adalah melalui Acheh yang telah memperkenal dan menyebarkan Agama Islam di situ. Kedatangan mereka telah memberi kesan besar terhadap seni bina bangunan ibadah di Minangkabau.



Gambar 3.0 | Gambar Bumbung Meru bertingkat 3.
(sumber :pengkaji)

Berdasarkan pemerhatian, Masjid Asasi telah terbina dengan gabungan pengaruh seni bina cina dan seni bina tempatan (Seni Bina Minangkabau) yang dapat dilihat pada teknik binaan, motif-motif ukiran, elemen hiasan hiasan dan astetika bangunan sama ada yang terdapat pada bahagian dalam dan luar bangunan masjid yang mencerminkan kebudayaan dan nilai masyarakat Minangkabau itu sendiri.

Pembangunan Masjid Asasi melibatkan penggunaan material tradisional yang diperolehi dari kawasan persekitaran khususnya kayu-kayu keras yang digunakan dalam pembinaan masjid dan teknik binaan turun-temurun masyarakat Minangkabau. Adalah satu kewajiban dinding kayu, tiang, dan siling masjid dihiasi dengan ukiran kayu yang mencerminkan adat dan budaya masyarakat Minangkabau.

Jika diperhatikan dengan mendalam, motif ukiran kebanyakkannya menggambarkan tumbuh-tumbuhan bunga dan bentuk geometri sederhana bersesuaian dengan motif-motif hiasan pada bangunan masjid. Selain itu, motif-motif ukirannya juga hampir serupa dengan tenunan songket Minangkabau, dengan warna yang dipengaruhi oleh budaya Cina. Motif ini tidak hanya menghiasi struktur kayu, tetapi juga mencerminkan estetika Minangkabau. Estetika Minangkabau tercermin dalam pandangan mereka terhadap keindahan alam, terwujud dalam motif-motif yang bersumber dari elemen alam semula jadi. Peranan Masjid Asasi ini tidak terbatas berfungsi sebagai tempat ibadah sahaja, tetapi juga sebagai salah satu pemanis warisan budaya Minangkabau.



Gambar 3.1 | Gambar Ornamen Dinding (sumber :pengkaji)


3.2 Ruang Dan Fungsi

Susun atur ruang merupakan fokus utama sesebuah bangunan bagi membezakan dan memastikan seni bina bangunan serta fungsinya memenuhi keperluan penghuni bangunan tersebut. Konsep ruang sering kali dikaitkan dengan cara pembahagian ruang atau *spatial organization* yang memberikan identiti serta melambangkan fungsi bagi setiap ruang yang bina dalam sesebuah bangunan tersebut.

Bagi Masyarakat Minang di Kota Padang Panjang, sudah semestinya mereka mempunyai ciri- ciri seni bina khusus yang perlu ada pada setiap bangunan, termasuklah pembinaan Masjid Asasi atau nama lainya adalah surau gadang. Ruang dalam Masjid Asasi terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu ruang solat, ruang serambi dan ruang mihrab. Di bahagian luar bangunan pula terdapat rumah beduk dan juga kolam basuhan kaki di samping tangga masuk utama.

Ruang Solat

Ruang solat merupakan ruang yang paling besar di dalam Masjid Asasi. Ukuran bagi ruang ini adalah 13 m x 13 m yang membentuk ruang segi empat sama. Ruang ini sangat istimewa kerana mempunyai 1 tiang *soko guru* iaitu tiang tonggak utama di tengah-tengah ruang solat dan di kelilingi pula dengan 8 batang tiang sokong berbentuk bulat yang diperbuat daripada kayu keras rimbo putih. Kayu-kayu diperolehi daripada hutan di persekitaran.



Rajah 3.2a | Pelan Lantai berserta nama ruang Masjid Asasi. (Sumber - pengkaji)



Gambar 3.2b I Gambar Ruang solat di penuhi jemaah untuk menunaikan solat fardhu Jumaat. Sumber : pengkaji.

Uniknya Tiang Soko Guru ini bersaiz agak besar dalam lingkungan diameter 800 mm. Menurut Pangeran Basa Didi Ariandi, tiang soko guru ini disaluti simen konkrit separuh di bahagian bawah dan dipasang kemasan jalur kayu agar efek binaan kayu terpelihara menjadikan diameter tiang bahagian bawah dalam lingkungan 1100 mm. Ruang solat ini mampu memuatkan anggaran 200 orang dalam sesuatu masa. Satu per tiga bahagian ruang solat kini dijadikan ruang solat wanita dan ditutupi dengan tirai kayu boleh alih.

Ruang serambi

Di awal pembinaan, ruang paling hadapan di bahagian pintu masuk utama merupakan ruang serambi masjid. Kini ruang tersebut telah ditutup dan dijadikan ruang simpanan bagi menyimpan segala perkakas atau barangan kegunaan aktiviti di masjid. Ukuran ruang penyimpanan ini adalah 5 m x 5 m, ruang kedua terbesar di dalam Masjid Asasi. Ruang ini mempunyai sebuah pintu yang menyambungkan ke ruang solat wanita. Selain itu, ruang ini mempunyai dua tingkap sebagai medium pengudaraan dan pencahayaan masjid. Ruang ini ditutupi dengan atap bergonjong Minangkabau.

Ruang Mihrab & Mimbar

Ruang Mihrab berfungsi sebagai tempat imam sewaktu solat atau tempat khas untuk seorang ketua apabila berlakunya aktiviti di dalam masjid tersebut. Mihrab merupakan ruang paling kecil di dalam Masjid Asasi kerana ruang ini biasanya hanya menempatkan seorang individu dan mimbar masjid. Mimbar masjid dibina untuk kegunaan menyampaikan khutbah solat Jumaat dan khutbah raya oleh khatib masjid. Ukuran bagi ruang mihrab Masjid Asasi adalah 2.3 m x 5 m. Kawasan Ruang Mihrab ini mempunyai dua tingkap yang mempunyai satu bukaan pada bahagian sisi kiri dan sisi kanan ruang yang berfungsi sebagai medium pengudaraan dan pencahayaan apabila khatib berdiri atas mimbar tersebut. Ini akan memberi keselasaan kepada si pembaca khutbah.



Gambar 3.2c I Gambar Ruang serambi kini ruang Penyimpanan dan pintu yang mengahap ke Ruang solat wanita
Sumber : pengkaji



Gambar 3.2d I Gambar Ruang Mihrab dan tingkap pada bahagian kiri dan kanan ruang ini.
Sumber ; pengkaji.

Rumah Beduk.

Di bahagian luar bangunan terdapat sebuah rumah beduk yang mana rekabentuknya seperti rangkiang bagi rumah gadang. Di dalam rumah beduk, terdapat sebuah beduk atau gendang yang digunakan bagi pemberitahuan masuk waktu solat, hal kematian dan juga hal-hal kecemasan yang melibatkan penduduk sekitar. Beduk akan dipukul bagi tujuan tersebut. Rumah Beduk Masjid Asasi di bina di bahagian hadapan pintu masuk utama. Saiz ukurannya adalah 3 m x 2 m.

Kolam Basuhan kaki

Di sisi tangga utama, dibina sebuah kolam basuhan kaki sebelum pengunjung memasuki ruang solat. Ini adalah untuk memastikan kebersihan Masjid Asasi terjamin. Konsep ini sama seperti meletakkan tempayan di sisi tangga utama bagi rumah tradisi bagi tujuan membersihkan kaki sebelum masuk ke dalam rumah. Agama Islam amat menitikberatkan kebersihan diri khususnya tempat beribadah.




Gambar 3.2e I Kolam Basuhan kaki.
Sumber ; pengkaji.



Gambar 3.2f I Rumah Beduk, Masjid Asasi.
Sumber ; pengkaji.



3.3 Elemen Struktur





Rajah 3.3a | Rajah struktur binaan Masjid Asasi (Sumber : Pengkaji)

Rajah 3.3b | Model digital 3D Masjid Asasi (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.3a | Bumbung Masjid Asasi yang bertingkat-tingkat.
Sumber : pengkaji

3.3.1 Bumbung

Reka bentuk bumbung Masjid Asasi memiliki rupa bentuk yang unik kerana ia merupakan gabungan bumbung Meru dan bumbung Minangkabau bergonjong yang menyerupai tanduk kerbau. Bumbung Meru 3 lapisan dibina di bahagian solat utama manakala bumbung Minangkabau di bahagian serambi, mihrab dan rumah beduk. Penggunaan bumbung Minangkabau bergonjong menjadi identiti rekabentuk bangunan masyarakat Minang dan bumbung berlapis pula melambangkan sebuah bangunan ibadah.

Bumbung Meru tiga tingkat lapisan mempunyai maksud yang tersendiri pada pandangan masyarakat adat iaitu simbol penghormatan masyarakat adat terhadap tiga golongan iaitu nini mamak (kepala suku), alim ulamak dan golongan cerdik pandai. Selain itu, penggunaan bumbung meru yang tirus ke atas juga memberi perlambangan menuju kepada tuhan yang satu selari dengan fungsi bangunan sebagai bangunan ibadat.

Nini Mamak (kepala suku)

Ninik Mamak adalah suatu lembaga adat yang terdiri dari beberapa orang penghulu yang berasal dari berbagai kaum atau klan yang ada dalam suku-suku di Minangkabau. Lembaga ini diisi oleh pemimpin-pemimpin dari beberapa keluarga besar atau kaum atau klan yang disebut penghulu, di mana kepemimpinannya diwariskan secara turun temurun sesuai adat matrilineal Minangkabau. Jabatan penghulu dipangku oleh seorang laki-laki Minangkabau yang dituakan dan dipandang mampu memimpin dengan bijaksana

Alim Ulamak

Hubungan orang Minangkabau yang kuat terhadap Islam, telah melahirkan ramai tokoh yang terlibat dalam penyebaran agama Islam di Nusantara. Di Minangkabau, ulama, begitu terkenal kerana pengaruh mereka dalam perubahan politik dan masyarakat. Mereka menggunakan pelbagai bentuk penerbitan, contohnya majalah dan akhbar untuk meluaskan idea-idea mereka. Golongan ini sangat dihormati dalam kalangan masyarakat Minangkabau.


Cerdik Pandai

Cerdik pandai dalam istilah Minangkabau adalah suatu kaum atau golongan orang-orang Minangkabau yang dianggap cerdik serta pandai atau berilmu pengetahuan luas. Dalam tradisi Minangkabau, kaum ini mendapatkan tempat yang tinggi atau terhormat dalam kehidupan masyarakat. Seperti ulama, status cerdik pandai bisa didapatkan oleh siapa saja asal ia mempunyai pengetahuan luas. Berbeda dengan kaum adat, di mana status penghulu (pemimpin adat) diwariskan secara turun-temurun sesuai adat matrilineal.

Pembinaan struktur bumbung masjid adalah menggunakan teknik rasuk silang serta dibina tanpa paku dengan sistem tanggam dan pasak serta baji. Terdapat 4 batang tiang sokong bumbung yang dipasang secara tergantung bagi menyokong struktur bumbung berlapis.

Disekeliling cucur atap bangunan masjid Asasi, dipasang kemasan ande-ande (papan pemanis) bagi tujuan astetika bangunan masjid. Selain itu, pemasangan papan berukir yang dipasang pada ruang antara lapisan bumbung pula adalah bagi menutup jarak antara lapisan bumbung. Pada puncak bumbung, dipasang tunjuk langit yang diperbuat daripada besi keluli yang dilengkapi simbol bulan bintang simbolik kepada agama Islam.

Bagi kemasan bumbung Masjid Asasi pula, pada asalnya bahan yang digunakan adalah dari bahan serat ijuk tetapi kini telah digantikan dengan kepingan zink selari dengan peredaran zaman..



Rajah 3.3c | Lukisan terperinci struktur bumbung
(Sumber : Pengkaji)

3.3.2 Dinding Luar & Dalam

Antara keunikkan lain masjid ini adalah ianya mempunyai dua lapisan dinding iaitu lapisan dinding kayu berukir di bahagian luar yang dipenuhi dengan ukiran yang sangat cantik bermotifkan unsur alam dan lapisan dinding jalur kayu di bahagian dalam yang sangat kukuh tanpa ukiran. Walaupun tidak mempunyai ukiran pada dinding di bahagian dalam masjid, ianya masih kelihatan sangat menarik, kerana keaslian kayu yang digunakan memberikan efek tenang dan sejuk apabila berada di dalam masjid tersebut. Lapisan dinding kayu di bahagian luar masjid pula adalah melambangkan permuafakatan penduduk yang bergotong royong dan hasilnya membentuk banyak ukiran yang sangat unik dan menarik sehingga mampu menarik minat pelancong ke masjid tersebut.



Gambar 3.3b |Dinding di luar masjid yang kukuh (sumber-pengkaji)



Gambar 3.3c |Dinding di dalam masjid yang kukuh (sumber-pengkaji)



Gambar 3.3d |Dinding di dalam masjid yang kukuh (Sumber-pengkaji)



Gambar 3.3e |Dinding diluar masjid yang kukuh (sumber-pengkaji)



Gambar 3.3f| Tiang tonggak tuo (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.3g | Tiang soko kayu rimbo putih (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.3h | Tiang kayu tangguk keras (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.3i | Tiang sokong bumbung (Sumber : Pengkaji)

3.3.3 Tiang

Bangunan Masjid Asasi didirikan di atas 35 batang tiang yang dapat dikelaskan kepada empat jenis tiang dalam struktur bangunan ini iaitu;

Tiang Tonggak Tuo / Tiang soko guru (1 batang)

Pertamanya adalah tiang tonggak tuo yang menjadi tiang utama bagi masjid ini. Penggunaan tiang tonggak tuo adalah sebahagian daripada warisan tradisional seni bina Indonesia. Tiang tonggak tuo ini berasal daripada kayu rimbo putih yang amat keras. Tiang ini tahan lama walaupun dalam keadaan cuaca melampau. Tiang tonggak tuo ini didirikan tegak 90° daripada tanah hingga ke puncak bumbung Meru. Menurut, En Asrul Affendi, bahagian bawah kayu tonggak tuo dilapik dengan deretan kayu buluh sebelum tiang didirikan. Fungsinya adalah untuk mengukuhkan struktur kayu sewaktu gempa berlaku. Selaras dengan perkembangan waktu, kini hampir separuh ketinggian tiang soko guru dilapisi dengan simen konkrit bagi tujuan memelihara ketahanan kayu memandangkan usianya yang telah lanjut.

Tiang Sokong Kayu Rimbo Putih (8 Batang)


Selain tiang tonggak tuo, tiang sokong kayu rimbo putih berbentuk bulat juga digunakan untuk menampung beban struktur bumbung masjid yang bertingkat. Terdapat 8 batang tiang sokong Kayu Rimbo Putih didirikan di ruangan solat mengelilingi tiang tonggak tuo. Tiang ini tidak didirikan tegak 90 darjah seperti tiang tonggak tuo, tetapi miring/senget kepada anggaran 92 darjah. Ini adalah teknik binaan yang digunakan bagi menghadapi gempa.

Tiang Kayu Tangguk Keras (24 batang)

Tiang kayu Tangguk Keras pula digunakan dalam pembinaan Masjid Asasi sebagai elemen sokongan struktur dinding masjid dan bumbung lapisan paling bawah. Kayu tangguk keras memiliki sifat kekuatan yang baik, yang membuatnya dapat menahan beban yang berat. Tiang kayu tangguk keras juga dapat diawetkan untuk meningkatkan ketahanannya terhadap serangan serangga dan kerosakan akibat cuaca ekstrim. terdapat 24 batang tiang tangguk keras di pasang di sekeliling bangunan masjid.

Tiang Sokong Bumbung (4 batang)


Tiang sokong bumbung merupakan tiang bersifat tergantung yang menampung beban struktur bumbung lapisan puncak Masjid Asasi. Terdapat 4 batang tiang sokong bumbung dipasang serta dipasak bersama rasuk kayu keras melintang.



Rajah 3.3d | Rajah keratan bangunan Masjid Asasi
Sumber: pengkaji.

3.3.4 Lantai

Masjid Asasi menggunakan papan lantai kayu yang diperbuat daripada kayu keras. Kayu keras yang baik memiliki kekuatan dan daya tahan terhadap tekanan yang baik. Lantai papan kayu yang terawat dengan baik juga dapat bertahan bertahun-tahun lamanya. Pembinaan struktur lantai yang cermat ini membolehkan Masjid Asasi menampung jemaah seramai 200 orang pada satu masa. Kini, lantai papan kayu ini ditutup dengan karpet masjid yang selesa untuk kegunaan jemaah semasa melakukan ibadah.



48mm x 180mm papan lantai kayu

50mm x 150mm gelegar lantai jenis kayu keras

120mm x 200mm rasuk kayu keras

120mm x 200mm rasuk kayu keras

Rajah 3.3.e| Perincian lantai (Sumber : Pengkaji)





Gambar 3.3j | Lantai yang dilapik dengan karpet (Sumber : Pengkaji)

3.3.5 Pintu

Terdapat 2 jenis pintu yang digunakan di Masjid Asasi iaitu pintu panel kayu berukir dan pintu panel kayu biasa .

Pintu Kayu Berukir

Terdapat 2 unit pintu kayu berukir berketinggian 1940 mm dan kelebarannya 1080 mm di gunakan sebagai pintu masuk utama bangunan Masjid ini. Pintu ini mempunyai dua daun pintu. Terdapat bendul yang dipasang di bawah pintu supaya dapat membezakan antara ruang solat dan kawasan luar masjid. Pemasangan bendul juga adalah bagi mengelakkan tempias air hujan masuk secara terus ke dalam ruang solat Masjid Asasi kerana di bentengi bendul di bahagian bawah pintu. Pemasangan bendul pintu ini secara falsafahnya adalah untuk memastikan tetamu yang datang ke masjid melangkah masuk secara berhati-hati, sopan serta perlahan-lahan bagi menunaikan ibadah. Rekabentuk pintu masjid juga dilengkapi dengan selak besi pada bahagian atas dan bawah pintu bagi tujuan keselamatan dan keselesaan penghuni masjid. Terdapat pelbagai jenis ukiran yang menghiasi pintu ini yang bermotifkan unsur-unsur alam seperti Motif Ramo-Ramo, Si Kumbang Jati dan bebrapa ukiran lain.

Pintu Panel Kayu

Pintu panel kayu ini adalah berketinggian 1960 mm dan kelebaran 1060 mm. Pintu panel satu daun ini bilangannya hanya satu di dalam masjid. Pintu ini dipasang di ruang penyimpanan. Pada asalnya ruang simpanan ini adalah ruang terbuka tanpa dinding yang merupakan serambi kepada Masjid Asasi. Pintu panel ini tidak mempunyai ukiran dan merupakan pintu tambahan sahaja apabila ruang serambi ini dijadikan bilik simpanan.



Gambar 3.3k | Pintu kayu berukir pandangan daripada luar Masjid Asasi. (Sumber : pengkaji)



Gambar 3.3l |Pintu Kayu Tertutup dan panel biasa (Sumber ; Pengkaji)

3.3.6 Tingkap

Terdapat 3 jenis tingkap yang digunakan di Masjid Asasi yang masih dijaga dan berfungsi dengan baik. Fungsi utama tingkap di masjid ini adalah untuk pencahayaan dan pengudaraan pada ruang solat. Yang menariknya pada rekabentuk tingkap masjid ini adalah, ia dipasang dengan dua lapisan tingkap. Di bahagian dalam adalah tingkap jenis geser atau *sliding* manakala di bahagian luar adalah tingkap panel kayu berukir dua daun dan satu daun. Tingkap ini dilengkapi dengan selak pada bahagian dalam.

Jika diperhatikan, jumlah keseluruhan tingkap pada masjid ini adalah sebanyak 28 unit. Walaubagaimanapun, hanya terdapat 14 bukaan sahaja pada dinding Masjid Asasi kerana tingkap ini berlapis pada bahagian luar dan dalam.

Tingkap Geser 2 Daun

Tingkap ini mempunyai beberapa saiz iaitu;

- 940mm x 1180mm. Dipasang sebanyak 8 unit pada dinding dalam ruang solat.
- 700mm x 990mm. Tingkap ini mempunyai 2 unit pada bahagian ruang mihrab.
- 1020mm x 1110mm. Dipasang 2 unit pada bahagian ruang penyimpanan/serambi.



Gambar 3.3m |Tingkap geser 2 daun di bahagian dalam Masjid Asasi.(Sumber : pengkaji)



Gambar 3.3n |Tingkap geser 2 daun di bahagian luar Masjid Asasi.
(Sumber : pengkaji)

Tingkap Panel Berukir 2 Daun

Tingkap panel 2 daun ini mempunyai dua jenis ukuran. Ukuran yang pertama adalah 982mm x 1220mm sebanyak 4 unit. Ukuran tingkap yang kedua adalah 1020mm x 1110mm mempunyai sebanyak 2 unit. Kemasan tingkap adalah cat minyak dan dipenuhi dengan ukiran beberapa motif seperti Lumuik Anyuik. Semua tingkap ini juga mempunyai bingkai kayu yang juga dipenuhi ukiran sebagai ornamen.



Gambar 3.3o |Tingkap panal 2 daun di bahagian luar Masjid Asasi.(Sumber : pengkaji)

Tingkap Panel Berukir 1 Daun

Tingkap ini tidak mempunyai banyak ukiran seperti tingkap-tingkap lain. Ukuran bagi tingkap ini adalah 740mm x 1000mm yang berada di luar dinding ruang mihrab sebanyak 2 unit sahaja iaitu di bahagian dinding kiri dan kanan mihrab. Kemasan tingkap ini adalah panel kayu berukir yang lebih ringkas.



Gambar 3.3p |Tingkap panel 1 daun di bahagian luar Masjid Asasi.(Sumber : pengkaji)



Gambar 3.3q |Ande - Ande di bahagian luar Masjid Asasi (sumber : pengkaji)

3.3.7 Ande - Ande

Ande-ande juga dikenali sebagai kayu tumpu kasau atau papan pemanis yang dipasang pada cucur atap bangunan. Ia merupakan elemen astetika pada suatu bangunan yang berupa papan tebuk dan berukir yang terletak secara mendatar atau horizontal. Selain astetik, tujuan pemasangan ande-ande ini adalah untuk menutup hujung kayu kasau agar tampak bangunan menjadi lebih cantik.

Jika papan tersebut tidak berukir, ia dinamakan "Papan Cantik", tetapi jika papan itu berukir, ia disebut sebagai "Ande-ande". Ande-ande dipasang di sekeliling bumbung Masjid Asasi dan jenis papan ini merupakan sekeping papan berukir yang langsung dipasang di bahagian hujung bumbung. Bentuknya yang unik melambangkan motif alam hasil dari kreativiti penduduk tempatan semasa proses pembuatannya.



Gambar 3.3r |Ande - Ande di bahagian hadapan Masjid Asasi (sumber : pengkaji)

3.3.8 Tunjuk Langit

Tunjuk langit merupakan kayu sebatang yang berada pada puncak bangunan melambangkan kepada akidah dan tauhid. Tunjuk langit ini terdapat pada semua puncak bumbung masjid serta rumah beduk.

Terdapat 5 batang tunjuk langit dipasang pada bangunan masjid dan 4 pada rumah beduk. Kesemua tunjuk langit ini diperbuat daripada tembaga perak dan berbentuk tirus dan mempunyai simbol bulan sabit dan bintang yang berada di puncak tunjuk langit yang menjadi simbol kepada agama Islam, secara umumnya yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.



Gambar 3.3s | Tunjuk langit pada bumbung rumah beduk Masjid Asasi (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.3t | Tunjuk langit pada bumbung bangunan Masjid Asasi (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.3u | Gambar pintu gerbang Masjid Asasi (Sumber : Pengkaji)

Secara umumnya pintu gerbang letaknya adalah sejajar dengan pintu masuk bangunan tetapi bagi pintu gerbang Masjid Asasi, ia terletak di bahagian selatan yang berhampiran dengan rumah beduk. Pada awal pembinaan masjid, bangunan ini tidak mempunyai pintu gerbang. yang ada hanyalah bangunan masjid dan rumah beduk sahaja.

Di bahagian atas pintu gerbang pula terdapat 3 kubah masjid yang menjadi simbolik kepada bangunan bagi memberitahu orang awam bahawa bangunan tersebut adalah sebuah bangunan ibadah dan lengkungan pintu gerbang ini seakan-akan bentuk sepeti kubah masjid. Corak atau motif hiasan pada pintu gerbang dilihat sama seperti yang terdapat pada tiang tangga batu masjid.

3.3.9 Pintu Gerbang

Mengikut kamus dewan bahasa dan pustaka edisi ke-4 pintu gerbang merupakan pintu besar yang di sebelah atasnya terdapat satu binaan melengkung serta bediri teguh pada 2 tiang besar di bahagian kiri dan kanan pintu. Pintu gerbang ini juga dianggap sebagai mercu tanda sesuatu binaan dan berfungsi untuk menandakan sempadan sesuatu kawasan serta mengalu-alukan kedatangan pengunjung. Kadangkala, pintu gerbang digunakan sebagai perhiasan bagi sesuatu sambutan dan keramaian tanda selamat datang.



Gambar 3.3v | Gambar tiang tangga terdapat pada tiang pintu gerbang (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.4a | Ornamen pereang dan singkok yang dapat dilihat.
(sumber: pengkaji)



Gambar 3.4b | Papan banyak serambi depan dan dinding mihrab
(Sumber : Mirda Aryadi 2019)

3.4 Ornamen

Ornamen yang ada pada Masjid Asasi Sigando jelas tertera pada dinding masjidnya. Motif-motif ukiran juga memiliki pola yang berulang dan teratur. Ini dapat ditemui di setiap sisi bangunan masjid. Menurut sumber daripada kajian Universiti Negeri Padang, terdapat lebih daripada 20 jenis ukiran yang terdapat pada Masjid Asasi. Walaubagaimanpun pengkaji hanya menemui sebanyak 15 jenis sahaja disebabkan kekangan waktu dan terlalu banyak pengulangan motif ukiran yang agak menyukarkan pengkaji menjejakinya. Berikut merupakan ornamen pada Masjid Asasi yang berjaya dikenalpasti;

Singok

Singok merupakan bahagian atap yang berbentuk segitiga. Masjid Asasi memiliki empat singok yang mempunyai lokasi dan ukiran yang berbeza-beza. Singok pada bahagian serambi depan dan mihrab memiliki ukuran yang besar. Singok pada bahagian lain memiliki ukuran yang lebih kecil dan terletak pada pintu depan sebelah kiri Dan kanan.

Pereang

Pereang merupakan bahagian dari *singok* yang terletaknya sebagai penutup bahagian bawah bidang *singok.* Pereang yang ada di Masjid Asasi sebagaian besar letaknya berada di bawah *singok* namun masih juga ada pada bahagian tingkat atas dan sekeliling. Bentuk pereang ini memanjang dan letaknya tidak tegak yang mengarah ke dalam dari bangunan.



Gambar 3.4c | Pintu kayu di bahagian luar Masjid Asasi (Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.4d | Papan sakapiang pada serambi depan (Sumber : Mirda Aryadi,2019)

Pintu dan Jendela

Masjid Asasi Sigando terdapat dua pintu masuk pada bahagian depannya. Pintu masuk masjid terletak antara bahagian kiri dan kanan dari bahagian serambi masjid. Jendela pada masjid berjumlah 14 pasang dan 3 pintu. Semua pintu dan jendela masjid mempunyai ukiran sebagai hiasan. Penerapan motif pada pintu dan jendela berbeza satu sama lain. Motif yang digunakan pada pintu adalah *Pakiah Sailan* sedangkan pada bahagian tingkap pula mengunakan motif *Kuciang Lalok.*

Papan Banyak

Papan banyak merupakan bahagian bidang yang melapisi sebahagian besar dinding masjid, hal ini kerana ukuran papan banyak lebih lebar dibandingkan bidang yang lain. Papan banyak dikelompokkan beberapa bahagian berdasarkan penempatannya iaitu papan banyak *dinding tapi* dan papan banyak *dinding ari.* . Bahagian dinding yang menghadap ke depan disebut sebagai dinding tapi, dan bahagian yang menghadap bahagian samping disebut sebgai *dinding ari*.

Redeang Suduik

Redeang suduik adalah bahagian dari pembatas sudut masjid, redeang suduik ditemukan pada bahagian dinding tengah. Redeang suduik dapat ditemukan pada semua sisi masjid dan pada bahagian bawahnya terdapat pasak yang juga terdapat ukiran yang bermotif. Fungsi utama *Redeang suduik* adalah sebgai penyambung bahagian dalam ruang Masjid Asasi, Motif yang terdapat pada pasak ini adalah *kaluak paku*.



3.5 Motif Ukiran

3.5.1 Motif Lapiah Tigo

Motif Lapiah Tigo termasuk geometrik. Ada tiga unsur yang terpilih sehingga membentuk satu kesatuan yang harmoni, motif lapiah tigo saling menguatkan kerana selok-belok ukiranya yang tepat, jika dilihat dalam ukiran seperti ukiranya saling tumpang tindih kemudianya saling menindih secara terus menerus sehingga habis . Bentuk motif ini sesuai ditempat pada bahagian hujung ukiran yang lebih besar.

3.5.2 Motif Tangguak Lamah

Motif *Tangguak Lamah* bentuknya utamnya adalah bundaran yang berpadukan dengan relung pada ukiran Minangkabau. Terdapat relung yang menyerupai bundaran yang mengambilbentuk tangguak.

3.5.3 Motif Tupai Managun

Motif *Tupai Managun* melambangkan seekor tupai yang sedang berhenti untuk melihat dari salah satu ornamen. Ukiran di Masjid Asasi kebanyakkan adalah gabungan satu ukiran dengan ukiran lain tetapi motif tupai managun terlihat sangat jelas di salah satu sisinya.

3.5.4 Motif Ruso Balari Dalam Rangsang

Motif ini agak rumit tetapi masih boleh dikenali dari bentuk relungnya yang menyerupai bentuk tanduk tanduk rusa dan berliku-liku.



Rajah 3.5a | Motif Ruso Balari ransang (sumber : pengkaji)



Rajah 3.5b| Motif Tangguak Lamah (sumber : pengkaji)



Rajah 3.5c | motif Tupai Managun (sumber : pengkaji)



Rajah 3.5d| motif Lapiah Tigo (sumber : pengkaji)

3.5.5 Motif Lumuik Anyuik

Motif Lumuik Anyuik mirip dengan ukiran Minangkabau pada umumnya, memiliki kelenturan relung, tangkainya berhimpitan serta terdapat gambaran lumut hanyut pada salah satu bahagian. Bentuk lumut yang sudah distilisasi dengan bentuk-bentuk relung khas Minangkabau.

3.5.6 Motif Aka Cino


Motif Aka Cino berbentuk satu deretan akar yang bergelung ditambah dengan beberapa ornamen lainya seperti bunga atau daun. Bentuk utama motif aka cino adalah akar meliuk-liuk.

3.5.7 Motif Siku Babungo


Motif Siku Babungo menyerupai saik galamai. Motif siku babungo memiliki bentuk jajaran genjang dengan dengan bagian dalam terdapat bunga. Bunga yang terperangkap dalam persegi mempengaruhi bentuk ukiran.

3.5.8 Motif Saluak Laka


Motif Ruso Balari dalam Ransang agak rumit tetapi tetap bisa dikenali dari bentuk relungnya yang menyerupai bentuk tanduk rusa dan berliku-liku. Menurut Pak Ratmil, yang bisa dikenali dari bentuk ukiran ruso balari dalam ransang adalah relung-relung ukiranya yang rumit dan serupa dengan tanduk rusa sehingga bentuknya boleh diteka.




Rajah 3.5e | Motif Aka Cino (sumber :pengkaji)



Rajah 3.5f | Motif Lumuik Anyuik (sumber : pengkaji)



Rajah 3.5g| Motif Siku Babungo (sumber : pengkaji)



Rajah 3.5h | Motif Saluak Laka (sumber : pengkaji)

3.6 Aspek Kelestarian



Rajah 3.6 | Gambaran keratan perspektif dengan elemen aspek kelestarian (Sumber : Pengkaji)

1) Pencahayaan Semulajadi

Cahaya matahari masuk daripada bahagian kiri masjid. Rekabentuk kedudukan tingkap yang menghadap utara membenarkan cahaya semulajadi masuk ke ruang dalamannya. Perlatakan tingkap pada bahagian sisi utara dan selatan bangunan masjid adalah untuk mengelakkan pancaran terik dan silau sinaran matahari masuk ke dalam bangunan.

2) Pengudaraan Semulajadi

Angin sejuk dari luar masuk ke dalam masjid menerusi tingkap dan pintu masjid. Walaupun bukaan di masjid terhad, kerana cuacanya yang sejuk, penduduk masih berasa selesa berada di dalamnya. Reka bentuk bumbung yang tinggi membolehkan peredaran udara berlaku dengan baik dengan membawa udara sejuk dari luar masuk di bahagian bawah dan membawa udara panas dalam bangunan keluar ke bahagian atas melalui bukaan bumbung. Ini dapat menyejukkan kawasan dalam masjid dan memberi keselesaan kepada para jemaah yang menggunakan ruang solat utama.

3) Kolam Air

Sebelum memasuki masjid, pengunjung akan menemui sumber air mata air yang dialirkan pada kolam basuhan kaki di sebelah tangga utama. Tujuannya adalah untuk memastikan pengunjung masuk ke dalam masjid dengan kaki yang bersih. Dalam masa yang sama, elemen ini membantu untuk menyejukkan bangunan apabila angin masuk melalui pintu utama masjid.



Gambar 3.6a | Cahaya matahari masuk melalui tingkap masjid (Sumber : Pengkaji)




Gambar 3.6b | Angin masuk melalui pintu dan tingkap masjid serta sumber air mata air di hadapan masjid (Sumber : Pengkaji)

4) Bahan Binaan

Bahan binaan yang diguna pakai oleh Masjid Asasi adalah bahan yang terdapat di persekitaran. Sebagai contoh, struktur-struktur tiang utama bangunan masjid adalah daripada kayu keras Rimbo Puteh yang diperolehi daripada hutan-hutan di sekitar Padang Panjang. Kemasan bumbung pula adalah daripada bahan ijuk yang diperolehi daripada kawasan persekitaran yang mampu mengurangakan penyerapan haba pada bumbung.



Gambar 3.6c | Rekabentuk Fasad masjid
(Sumber : Pengkaji)



Gambar 3.6d | Kayu Rimbo Putih pada struktur bangunan.
(Sumber : Pengkaji)

5) Rekabentuk Fasad

Ukiran pada fasad masjid adalah mencerminkan kebudayaan Minangkabau dan nilai islam dalam kalangan masyarakat Padang Panjang. Terdapat 15 jenis ukiran telah dikenalpasti pada Masjid Asasi. Kesemuanya adalah hasil tangan 4 suku Negeri Gunung yang bersama-sama bergotong royong menyiapkan masjid Asasi pada masa dahulu.



Gambar 3.6e I Kolam tadahan air gunung di sekitar masjid Asasi.
Sumber ; pengkaji.

PENUTUP

BAB 04

